



### PENUBUHAN KLINIK PELAJAR KUTKM

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menitikberatkan kebajikan pelajar, KUTKM sentiasa peka dengan keperluan dan kemudahan untuk semua pelajar. Bagi menjamin keselesaan dan kesejahteraan pelajar, KUTKM telah menubuhkan klinik pelajar bagi memberikan perkhidmatan kesihatan kepada semua penuntut universiti ini.

Klinik yang baharu ditubuhkan ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan perubatan yang setaraf dengan klinik kesihatan universiti lain bagi rawatan biasa dan kecemasan. Pada peringkat permulaan, klinik tersebut hanya beroperasi di kampus sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, Melaka dengan dikendalikan oleh dua pembantu perubatan yang berkelayakan dan berpengalaman.

Pada 9 Jun 2004, satu majlis pelancaran klinik pelajar telah diadakan yang dirasmikan oleh Pemangku Rektor KUTKM, Profesor Dr. Azhari Saleh. Dalam ucapan perasmianya tersebut, ada dinyatakan antara objektif penubuhan klinik pelajar tersebut adalah bagi mengurangkan kes pelajar sakit yang menunggu terlalu lama untuk rawatan di hospital serta mampu menjimatkan kos hospital serta mampu menjimatkan kos perbelanjaan khidmat kesihatan dalam jangka panjang.



Penubuhan Klinik Pelajar KUTKM juga bertujuan untuk memberi kemudahan rawatan atau perkhidmatan kesihatan optimum kepada pelajar, sesuai dengan matlamat menjadikan Pejabat Hal Ehwal Pelajar sebagai 'One Stop Agency' bagi warga pelajar. Klinik Pelajar KUTKM dibuka pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 8.15 pagi hingga 4.30 petang manakala Sabtu dari jam 8.15 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Sebelum ini pelajar KUTKM mendapatkan rawatan dari klinik panel KUTKM iaitu Klinik Saujana yang terletak berhampiran dengan kampus sementara. Dengan adanya Klinik Pelajar KUTKM, pelajar lebih mudah dan cepat untuk mendapatkan rawatan.

**Sumber Rujukan:**

[1] Momentum KUTKM (Julai 2004)



(Bil.8/2020)